



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

PELANCARAN TAMAN CENDEKIAWAN CILIK TABIKA PERPADUAN TAMAN SRI KLUANG

16 November 2022, Kluang, Johor - Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara telah melancarkan Taman Cendekiawan Cilik di Tabika Perpaduan Taman Sri Kluang. Pembinaan Taman Cendekiawan Cilik (CELIK) ini merupakan salah satu daripada kaedah pengajaran di dalam Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021 - 2030 yang mana ia menekankan pembelajaran secara langsung mengikut tema-tema pembelajaran yang menarik dan interaktif. Pelan ini merangkumi 15 tema seperti berikut:

- i) Angkasa Lepas
- ii) Taman Bunga
- iii) Serangga
- iv) Kenderaan
- v) Pasar Raya
- vi) Cakerawala
- vii) Haiwan (*Mini Farm*)
- viii) Gerai Buah- Buahan
- ix) Permainan Tradisional
- x) Pasar
- xi) Tumbuh- tumbuhan
- xii) Hidupan di Air
- xiii) Makanan

- xiv) Perayaan
- xv) Dapur Saya

Dalam menepati aspirasi tersebut, Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif dengan membina Model Taman Cendekiawan Cilik di Tabika Perpaduan Taman Sri Kluang yang berkonsepkan pembelajaran berpusatkan murid dalam membentuk murid yang kreatif dan inovatif.

Setiap Tabika Perpaduan telah diarahkan untuk menyediakan sudut Taman Cendekiawan Cilik berdasarkan salah satu tema yang telah ditetapkan di dalam Pelan Pendidikan Awal Kanak-kanak Tabika Perpaduan. Inisiatif ini juga memberi peluang kepada murid untuk menimba ilmu dan mengadaptasikan perkara-perkara asas dalam kehidupan seharian.

YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara sentiasa memastikan pembangunan murid yang holistik mencakupi aspek jasmani, emosi, sosial, intelek dan rohani dalam persekitaran pembelajaran yang kondusif dan interaktif.

Tabika Perpaduan yang mula diperkenalkan pada tahun 1976 telah mula berkembang dari masa ke semasa dengan jumlah terkini Tabika Perpaduan di Malaysia adalah sebanyak 1,781 buah dengan jumlah keseluruhan murid seramai 36,351 dari pelbagai kaum.

Kementerian Perpaduan Negara

16 November 2022

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Keluarga Malaysia.

Pertanyaan media

Unit Komunikasi Korporat,
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 569
E-mail: pro@perpaduan.gov.my
No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 ()